

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

# Kesesakan di wad bersalin pada waktu tertentu sahaja

## KKM ambil langkah perkukuh pengurusan katil, aliran pesakit

Oleh Saadiah Ismail  
saadiah\_ismail@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kesesakan di hospital kerajaan terutama di wad bersalin dialami pada waktu tertentu sahaja, iaitu berdasarkan trend peningkatan kelahiran bayi bermula pada September hingga November.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kemuncak peningkatan kelahiran di Malaysia ialah pada Oktober yang berlaku di seluruh negara.

Katanya, berikutan trend yang berlaku dalam tempoh berkenaan, secara tidak langsung ia turut menyebabkan pesakit yang perlu dipantau di wad bersalin meningkat terutama pesakit dengan komorbiditi dan berisiko tinggi.

"Selain itu, faktor seperti penerusan rawatan bayi baru dilahirkan yang memerlukan ibu terpaksa tinggal lebih lama di wad dan pesakit tidak dapat pulang awal kerana menunggu kedatangan ahli keluarga juga menjadi antara punca kesesakan itu berlaku.

"Bagaimanapun, Kementerian Kesihatan (KKM), sudah mengambil beberapa langkah bagi menangani masalah ini, antaranya memperkukuhkan pengurusan katil dan aliran pesakit di wad bersalin.

"KKM akan mempercepatkan kebenaran pulang bagi kes berisiko rendah bersalin dengan selamat serta menyediakan ruangan menunggu untuk memastikan katil sentiasa tersedia bagi pesakit baharu," katanya kepada *BH*.

### KKM sedia katil tambahan

Dr Noor Hisham ditanya mengenai isu kesesakan di wad bersalin hospital kerajaan sehingga menyebabkan ada ibu mengandung terpaksa duduk di kerusi sementara menunggu giliran untuk bersalin, selain ada yang terpaksa dihantar ke hospital berdekatan lain disebabkan kesesakan di hospital tertentu.



Hospital Cyberjaya antara fasiliti baharu KKM untuk meningkatkan kemudahan rawatan bersalin. (Foto hiasan)

Menjelaskan lebih lanjut, beliau berkata, KKM juga sudah menyediakan katil tambahan dan *step down care* ke hospital berdekatan ataupun ke hospital

di bawah kluster masing-masing untuk mengatasi isu kesesakan. "Selain itu, KKM juga menyediakan fasiliti baharu untuk meningkatkan kemudahan rawatan

KKM juga ingin menggesa wanita berisiko rendah untuk bersalin di hospital daerah atau pusat bersalin berisiko rendah bagi kurangkan beban di hospital tertiar.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

wanita bersalin seperti Hospital Cyberjaya, Kompleks Wanita Dan Kanak-Kanak Hospital Kajang dan Hospital Tanjung Karang.

"Dalam masa yang sama, KKM juga ingin menggesa wanita berisiko rendah untuk bersalin di hospital daerah atau pusat bersalin berisiko rendah bagi mengurangkan beban di hospital tertiar," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, KKM juga sedang berusaha menambah jumlah kakitangan di wad bersalin hospital kerajaan bagi meningkatkan kecekapan dan kualiti penjagaan pesakit.

"Malah, hospital KKM juga akan sentiasa memaklumkan status katil dan kadar kemasukan wad kepada orang awam dari semasa ke semasa supaya pesakit bersedia dan memahami keperluan masa menunggu yang lama," katanya.

## 'Tak ada lokar, letak barang bayi atas lantai'

Dari Muka 1

"Anak saya berdepan situasi yang amat memenatkan, dia terpaksa ke hospital atas arahan klinik kesihatan kerana menghidap diabetes. Seharini dia dan suami terpaksa dari satu hospital ke hospital lain.

"Pada mulanya anak saya ke Hospital Putrajaya, tetapi mereka maklumkan katil penuh, jadi mereka rujuk ke Hospital Kuala Lumpur (HKL). Bila sampai ke HKL, masalah sama berlaku, tak ada katil. Jadi terpaksa ke Hospital Serdang pula. Alhamdulillah akhirnya mereka terima, tetapi terpaksa menunggu untuk ditempatkan di wad," katanya kepada *BH*.

Noraini berkata, anaknya ditempatkan di kerusi menunggu selama tiga hari, termasuk terpaksa tidur dalam keadaan duduk.

Katanya, hanya pada malam kelmarin (Sabtu) anaknya ditempatkan di katil wad bersalin.

"Disebabkan kekangan katil,

pihak hospital terpaksa memberi laluan kepada kes kecemasan dengan ibu hamil yang belum menunjukkan tanda bersalin diminta menunggu sehingga ada kekosongan katil.

"Selepas tiga hari menunggu, malam tadi (Sabtu) baru anak beritahu dapat katil. Itu pun masih panjang senarai menunggu dengan berpuluh lagi ibu hamil yang terima nasib sama, malah ada beberapa orang yang menunggu sejak Khamis lalu bersama anak saya belum dapat katil sampai hari ini (semalam).

"Saya memang risau, jadi bila sudah ada katil, dengan tempoh bersalin pada bila-bila masa, paling lewat esok (hari ini), kuranglah sedikit kebimbangan akan keselamatannya," katanya.

Noraini berkata, sebelum dapat katil, anaknya bersama kira-kira 30 ibu hamil lain yang belum dapat katil terpaksa ke surau hospital untuk berehat kerana tidak tahan sakit badan," katanya.

Beliau berharap isu katil tidak dianggap situasi biasa di hos-

pital kerajaan, sebaliknya Kementerian Kesihatan (KKM) mesti mencari jalan dan mengambil berat kebajikan dan aspek kesihatan ibu hamil.

### Terpaksa duduk luar wad

Sementara itu, penjawat awam, Siti Noraisyah Saad, 33, turut menceritakan pengalaman pahitnya ketika melahirkan bayi keduanya di sebuah hospital kerajaan, baru-baru ini.

"Saya bernasib baik sebab sampai sahaja di hospital, sudah ada bukaan dan terus dibawa masuk ke dewan bersalin. Tetapi, selepas bersalin, keadaan hospital memang sesak dengan ibu yang tunggu untuk bersalin dan sudah melahirkan anak.

"Jadi, disebabkan tak ada ruang lagi dalam wad bersalin, tugas hanya tempatkan saya di luar wad. Tak ada lokar untuk letak barang, semua kelengkapan bayi diletak di lantai sahaja, kipas pun tak ada, nak menyusukan anak pula risau orang nampak," katanya yang terpaksa duduk di luar wad selama dua

hari sebelum mendapat tempat.

Pengalaman sama turut dihadapi seorang wanita bersalin di Hospital Tanah Merah (HTM), Kelantan.

"Wad sesak hingga lapan katil di satu bahagian, sedangkan ruangan itu hanya boleh memuatkan enam katil sahaja." Itu pengalaman yang dialami wanita mengandung dikenali sebagai Zira, 24, ketika dimasukkan ke wad bersalin di HTM, baru-baru ini.

Zira berkata, sebelum ini dia hanya mendengar orang mengatakan wad bersalin di hospital berkenaan sentiasa sesak sebelum dia sendiri merasainya.

"Dari segi kakitangan dan layanan jururawat serta doktor sangat bagus, cuma dari segi fasiliti jelas menunjukkan wad begitu sesak.

"Sebagai contoh setiap ruangan sepatutnya hanya memuatkan enam pesakit, namun disebabkan pesakit yang ramai menyebabkan sehingga lapan pesakit ditempatkan di satu ruang.

"Disebabkan itu, lansir untuk setiap pesakit yang disediakan tidak dapat digunakan berikutan jumlah katil yang bertambah," katanya kepada *BH*.

Zira yang bekerja di sebuah syarikat swasta, berkata ada juga pesakit terpaksa menggunakan katil sementara yang dilihat kurang selesa.

"Disebabkan kesesakan itu, ahli keluarga yang datang melawat juga tidak dapat duduk di sebelah katil pesakit dilawati kerana jarak katil disusun agak rapat dan menyukarkan pelawat.

"Saya dimasukkan ke wad disebabkan kandungan mengalami masalah sebelum dibenarkan keluar selepas tiga hari. Bagaimanapun, keadaan itu bukannya menyebabkan saya serik kerana selepas ini saya akan kembali ke hospital berkenaan juga untuk bersalin.

"Saya difahamkan bangunan baru di hospital itu sudah siap, mungkin selepas dibuka keadaan menjadi kurang sesak," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Kementerian Kesihatan tolak pelan demensia?

**PETALING JAYA:** Wujud dakwaan bahawa Pelan Tindakan Demensia Kebangsaan (NDAP) ditolak mentah-mentah oleh Kementerian Kesihatan di tengah-tengah tuntutan supaya pelan itu dilaksanakan bagi menjaga hak golongan penghidap demensia.

Sumber memberitahu *Utusan Malaysia*, terdapat mesyuarat di peringkat kementerian diadakan sebanyak dua kali pada 2018 dan 2019 melibatkan pelbagai agensi kerajaan.

Kata sumber, agensi yang terlibat menggunakan templat atau kaedah yang telah digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) dan negara-negara luar yang telah mewujudkan pelan sama supaya dilaksanakan di negara ini.

"Ideanya merangkumi rawatan, pendidikan dan undang-undang. Tetapi, selesai sahaja mesyuarat dan kesemua maklumat telah dikumpulkan oleh kementerian dan kemudian dirancang dibawa ke Kabinet.

"Apabila bawa ke mesyuarat kementerian sahaja, wakil kementerian kata tidak boleh teruskan dahulu (pelan tindakan demensia). Seolah-olah ditolaklah," kata sumber ketika dihubungi semalam.

Akhbar ini melaporkan, ne-

gara memerlukan NDAP bagi mengurus dan melindungi hak golongan yang disahkan menghidap penyakit nyanyuk ekoran peningkatan ketara pesakit tersebut di negara ini.

Untuk rekod, Yayasan Pesakit Alzheimer Malaysia (AFDM) menganggarkan lebih 200,000 rakyat negara ini berisiko menghidap demensia dalam tempoh lima tahun lagi dan menjangkakan peningkatan sebanyak 312 peratus pada 2050.

Baru-baru ini, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin memaklumkan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi atau dikenali sebagai 'Pak Lah' disahkan menghidap demensia setelah menunjukkan tanda kecacatan kognitif.

Jelas sumber lagi, terdapat percanggahan dengan pelan lain yang dirancang kerajaan khusus untuk kesihatan warga emas di negara ini dalam tempoh lima tahun sekali.

"Kementerian kata kalau boleh pelan demensia ini patut duduk dalam pelan kesihatan warga emas, tetapi, masalahnya pelan ini banyak perkara perlu diliputi untuk isu warga emas sahaja. Bagi kami pelan demensia patut berdiri sendiri seperti negara-negara lain," katanya.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

## King, Queen congratulate Health DG for award

**KUALA LUMPUR:** The Yang di-Per-tuan Agong and Raja Permaisuri Agong have extended congratulations to Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah on being awarded the 2021 Royal College of Surgeons of Edinburgh (RCSEd) International Medal in recognition of his contributions to surgery in Malaysia.

In a Facebook post, Istana Negara said Al-Sultan Abdullah Ri'ayat-uddin Al-Mustafa Billah Shah and Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah expressed joy and pride on the conferment of the honour, which has boosted Malaysia's name on the world stage.

"The award proves that Malaysia is capable of producing individuals

of quality, calibre and of international standard," said the post as reported by Bernama.

Their Majesties also expressed their best wishes to Dr Noor Hisham and prayed that he would be blessed with continued excellence.

On Saturday, Dr Noor Hisham received the medal from RSCEd president Prof Michael Griffin at a

dinner in the college to welcome their honorary fellow, Yang di-Per-tuan Besar Negri Sembilan Tuanku Muhriz Almarhum Tuanku Munawir, who is also the royal chancellor of Universiti Kebangsaan Malaysia.

Also in attendance was Tunku Ampuan Besar Negri Sembilan Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## King, Queen congratulate Health DG on receiving honour

**KUALA LUMPUR:** The Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah and Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah have congratulated Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah on being awarded the 2021 Royal College of Surgeons of Edinburgh (RCSEd) International

Medal last Saturday in recognition of his contributions to surgery in Malaysia.

Istana Negara in a post on its Facebook page said their Majesties expressed joy and pride on the conferment of the honour, which at the same time boosted Malaysia's name on the world stage.

"The award proves that Malaysia

is capable of producing individuals of quality, calibre and international standard."

Their Majesties also expressed their best wishes to Noor Hisham and hoped that he would be blessed with continued excellence.

Noor Hisham received the medal from RCSEd president Prof Michael Griffin during a dinner at the college in Edinburgh to

welcome their honorary fellow, the Yang Di Pertuan Besar Negri Sembilan Tuanku Muhriz Tuanku Munawir, who is also the royal chancellor of Universiti Kebangsaan Malaysia.

Also in attendance was Tunku Ampuan Besar Negri Sembilan Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud.  
- Bernama